

101 TIPS MENULIS LITERATURE REVIEW oleh Dr Abdul Rahman Mahmud. Kajang. Halaman 143. Cetakan Pertama, Disember 2020. ISBN: 978-967-18876-0-8.

Pengenalan buku

Buku ini menghimpunkan tips-tips ringkas dalam menulis sorotan literatur. Ianya amat sesuai kepada pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Sarjana (*Masters Degree*) yang sedang berusaha untuk menulis tesis. Buku ini ditulis dengan bahasa yang mudah difahami. Keistimewaan buku ini adalah ianya menggariskan langkah-langkah praktikal untuk diikuti secara rawak, satu persatu oleh para pelajar bagi proses penulisan sorotan literatur yang efektif dan berkesan. Pembaca buku ini boleh membaca dari mana-mana tips dan tidak perlu terikat dengan susunan nombor tips yang dikemukakan. Maka, ia memudahkan para pembaca kerana sifat buku ini yang ditulis dengan ciri sedia dibaca pada bila-bila masa (*to be read, on the go*). Dari aspek organisasi penulisan, tiada susunan bab di dalam buku ini. Ini kerana penulisan tips yang dikongsikan ditulis secara berterusan dari awal hingga akhir naskah. Menyedari bahawa kemungkinan besar pembaca buku ini adalah golongan bekerjaya yang mempunyai banyak tuntutan dan komitmen lain yang perlu diselesaikan, maka pengarang buku ini menyediakan kemudahan untuk meletakkan buku pada bila-bila masa; dan menyambung membacanya apabila ada kelapangan waktu. Oleh kerana itu, penulisannya pun menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami dan ada ketikanya menggunakan nada penulisan yang santai, agar pembaca tidak jemu untuk meneruskan pembacaan.

Pengarang buku ini, Dr. Abdul Rahman Mahmud, memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang pengurusan alam sekitar dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah di dalam penilaian impak alam sekitar (EIA). Beliau berjaya menamatkan pengajian dengan mod separuh masa, serta bergraduasi pada masa yang ditetapkan (*Graduate on Time*). Penulis ini adalah seorang yang bermotivasi tinggi untuk membantu pelajar-pelajar pascasiswazah menulis tesis dengan cara yang efektif. Penglibatan beliau dalam arena penulisan terserlah melalui penulisan di kolom akhbar dan majalah. Beliau juga terlibat aktif sebagai aktivis belia di peringkat negeri dan kebangsaan. Kini beliau menjadi penyelia pelajar PhD, selain turut aktif di dalam penulisan, dan memberikan latihan kepada pelajar-pelajar pascasiswazah melalui sesi konsultasi selain menjadi jururunding alam sekitar. Melalui buku ini, beliau berkongsi 101 tips untuk penulisan sorotan literatur bagi membantu para penulis dan pengkaji supaya menulis dengan baik. Seterusnya beliau turut berkongsi soalan-soalan lazim yang sering ditanya apabila menulis sorotan literatur dan memberikan jawapannya untuk dijadikan panduan oleh para pembaca.

Tentang sorotan literatur

Sorotan literatur atau kajian kepustakaan adalah merupakan antara bab yang paling penting di dalam sesebuah penulisan, terutamanya penulisan tesis. Ia boleh diumpamakan sebagai jantung bagi sesebuah tesis atau penyelidikan yang memandu arah dan sudut pandang sesebuah penulisan tesis atau kajian. Menurut Tanczer (2021), sorotan literatur adalah penulisan yang bersifat kritikal dan analitikal yang berkaitan dengan kajian sedia ada tentang satu-satu topik. Pandangan ini disokong oleh Washington University in St. Louis menerusi hantaran di dalam laman web Perpustakaan Universitinya yang menjelaskan bahawa sorotan literatur membincangkan dan menganalisis maklumat yang telah diterbitkan mengenai satu bidang ilmu. Hantaran tersebut turut menyatakan bahawa penulisan sorotan literatur lebih daripada sekadar kesimpulan sumber-sumber literatur. Ia mempunyai corak susunan yang menggabungkan kesimpulan dan sintesis maklumat yang akhirnya akan memberikan penafsiran yang baharu kepada sumber maklumat yang terdahulu. Ini akan menyumbang

kepada pemajuan intelektual, perdebatan akademik, penilaian sumber-sumber maklumat dan memberikan pandangan tentang perkaitan sesuatu ilmu kepada para pembaca.

Isu berkaitan sorotan literatur

Meskipun warga akademik yang terlibat dalam dunia penulisan dan penerbitan sedar akan pentingnya penulisan sorotan literatur yang mantap, namun tidak dapat tidak, terdapat kelemahan dan kekurangan yang masih berlaku dalam sesebuah penulisan sorotan literatur. Menurut Mudavanhu (2017), para pengkritik bersetuju bahawa kebanyakan penulisan sorotan literatur bersifat lemah dan tidak mencapai standard sepatutnya; walaupun mereka berbeza pendapat terhadap punca kelemahan sorotan tersebut. Tambah Mudavanhu lagi, satu kumpulan pengkritik menyatakan bahawa punca kelemahan penulisan sorotan literatur adalah berpunca daripada kurangnya kefahaman terhadap bahan yang dibaca. Manakala satu kumpulan pengkritik yang lain berpendapat bahawa hanya kefahaman terhadap literatur yang bersesuaian sahaja yang diperlukan bagi menulis sorotan tersebut. Namun, walaupun terdapat perbezaan pendapat di antara dua kumpulan pengkritik ini, sebenarnya kedua-duanya berbeza pada garis dasar yang sama. Satu kumpulan pengkritik melihat kepada keperluan penulisan sorotan literatur yang menyeluruh dan satu kumpulan lagi melihat kepada keperluan sorotan yang lebih menjurus dan berfokus.

Di dalam proses penulisan sorotan literatur, seseorang itu perlu menyusun sumber dan idea yang banyak jumlahnya ke dalam satu perdebatan yang logik bagi memudahkan pembaca memahami topik yang dibincangkan. Penulis atau pengkaji juga mungkin berhadapan dengan isu penggunaan bahasa dan idea yang masih belum dikuasainya sepenuhnya. Ada ketikanya, penulis atau pengkaji muda melakukan kesalahan di dalam proses penulisan literatur. Kesalahan yang paling sering ditemui adalah apabila sorotan literatur itu dipenuhi dengan nama penulis dan tajuk artikel semata-mata seolah-olah ia adalah sebuah penulisan rumusan. Ini menjadikan isu yang dibincangkan tidak dapat difahami sekaligus menjadikan sorotan itu gagal memenuhi tujuan sebenarnya. Terdapat juga penulis yang bercita-cita tinggi dan cuba untuk memasukkan sebanyak mungkin literatur di dalam bidang yang sedang dikaji. Pendapat ini bersesuaian dengan penulisan oleh Taylor (2001) yang menyatakan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh penulis akan menjadikan sorotan literatur tersebut tidak berfokus dan sedikit dangkal di dalam perbahasannya. Maka, adalah penting bagi seseorang penulis atau pengkaji untuk memahami tujuan, kaedah dan strategi penulisan sorotan literatur bagi memudahkan proses penulisan dan pemahaman sorotan tersebut, sekaligus mencapai objektif penulisannya.

Isi kandungan buku ini

Penulisan buku ini dibahagikan kepada beberapa topik tips yang utama. Yang pertama, pengarang menulis daripada aspek sebelum memulakan penulisan sorotan literatur. Ini merangkumi aspek berkaitan dengan apa yang perlu diketahui, mempersiapkan bahan penulisan hinggalah membentuk perenggan dan menghasilkan idea untuk menulis. Seterusnya, bahagian paling banyak disentuh di dalam penulisan buku ini adalah berkaitan tips semasa proses penulisan sorotan literatur itu sedang berlangsung. Pengarang memberikan hampir keseluruhan fokus kepada proses ini – bermula daripada pemantapan ayat dalam perenggan, melihat jurang (*gap*) atau kelompongan dalam penulisan, sehinggalah kepada aspek teknikal semasa proses penulisan seperti memulakan pendahuluan dengan soalan, format penulisan yang betul, proses mengolah ayat supaya menjadi kemas, menulis mengikut aliran yang logik dan menggunakan jadual matriks dalam penulisan. Kemudian, pengarang juga menyentuh aspek aplikasi atau alatan (*tools*) yang digunakan untuk memudahkan urusan penulisan sorotan

ini. Antara alatan yang turut disentuh adalah Mendeley dan Microsoft Word yang merupakan perisian yang cukup terkenal dalam kalangan para pelajar pascasiswazah.

Pengarang buku ini turut menekankan bahawa kefahaman tentang penulisan sorotan literatur adalah penting apabila menyebut dalam buku ini (muka surat 1) bahawa sorotan literatur juga disebut sebagai ulasan karya, kajian kepustakaan dan sorotan karya. Menurut pengarang, semua istilah ini membawa makna yang sama di dalam mana-mana penulisan sesebuah tesis. Seterusnya pengarang membawa pembaca untuk mengenalpasti ciri-ciri penulisan sorotan literatur yang baik bagi memandu penulisan sorotan yang dapat memanfaatkan bukan sahaja penulis dan penyelidik, malahan juga pembaca yang membaca hasil penulisan tersebut. Pengarang meneruskan perkongsian melalui buku ini (muka surat 1 hingga muka surat 2) dengan menggariskan soalan utama daripada aspek-aspek berkaitan yang boleh dijadikan panduan bagi memenuhi elemen-elemen yang memandu penulisan sorotan literatur. Antara elemen utama yang terdapat di dalam penulisan sorotan literature adalah definisi penting, model, teori, pembolehkan kajian dan isu-isu kajian. Seterusnya perbincangan diteruskan dengan memfokuskan kepada soalan “Bagaimanakah semua elemen-elemen yang disenaraikan tadi boleh ditulis?”. Soalan ini dijawab dengan berpandukan kepada objektif kajian, tajuk kajian, persoalan kajian yang dikemukakan dan berdasarkan pengalaman penyelidik di dalam bidang kajian. Elemen utama terakhir yang memandu penulisan sorotan literatur yang diberikan penekanan di dalam buku ini ialah soalan “Bagaimanakah cara untuk mula menulis?”. Antara saranan yang dikemukakan oleh pengarang buku ini adalah dengan menyenaraikan apa yang hendak ditulis, menyusun penulisan mengikut aliran logik, membina topik-topik utama dan membina subtopik daripada topik utama.

Bagi golongan penyelidik dan ahli akademik, penulisan sorotan literatur pastilah tidak asing bagi mereka. Antara tujuan utama penulisan sorotan ini adalah untuk mendapatkan batu asas bagi kajian atau analisis yang lebih lanjut tentang kajian yang dilaksanakan. Ia juga untuk meningkatkan kredibiliti bagi membincangkan tentang isu atau topik kajian dan memberikan arah kepada kajian yang dilaksanakan atau penulisan yang ditulis. Antara tujuan penulisan sorotan literatur adalah untuk memberikan penjelasan terhadap kajian yang dijalankan dan mengenalpasti jurang atau kelompongan dalam literatur. Perkara ini turut dikongsikan di dalam buku ini (mukasurat 35) di mana kaedah terbaik untuk menulis jurang kajian di dalam kajian lepas adalah seperti berikut; menyenaraikan kajian lepas yang membincangkan isu yang sama, mengenalpasti kelemahan dan kekurangan yang wujud, membentuk jadual perbandingan, menyatakan cadangan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah, dan menyelesaikan masalah dalam bentuk pernyataan yang mendorong kepada satu kajian bagi mencari jalan penyelesaian kepada kelompongan tersebut.

Dapatlah dilihat melalui penulisan sorotan literatur, seseorang penulis atau penyelidik memberikan penjelasan berupa justifikasi sumbangan ilmunya melalui penerangan tentang apa yang telah dilakukan serta apa yang masih belum dilakukan dalam kajian tersebut. Secara tidak langsung, penulisan sorotan literatur ini juga akan memberikan pandangan yang lebih jelas tentang satu-satu topik perbincangan, memberikan sudut pandang yang lebih kritikal terhadap hasil kajian yang diterbitkan, serta membantu seseorang pembaca untuk menyatakan dan menjelaskan persoalan dan hipotesis kajiannya. Melalui proses pembacaan dan analisis terhadap kajian-kajian lepas, seseorang itu akan dapat membina pengetahuan tentang bidang yang sedang dikaji. Pengetahuan ini termasuklah perkara-perkara penting di dalam sesebuah kajian seperti konsep kajian, kaedah penyelidikan, serta teknik eksperimental yang boleh digunakan untuk mendapatkan data. Bagi seorang pengkaji muda atau penyelidik yang baharu

berjinak-jinak di dalam bidang penyelidikan, adalah penting untuk mereka mengenalpasti tujuan dan peranan sorotan literatur.

Melalui proses pembacaan secara menyeluruh ini, secara tidak langsung, ia akan berupaya menjadikan seseorang penulis atau penyelidik membina kepakaran di dalam bidang yang sedang dibincangkan. Ini lebih jelas dilihat apabila pengarang menggariskan teknik penulisan efektif yang mudah diikuti oleh para pembaca (mukasurat 86) seperti berikut:

Menulis setiap hari – daya fikir dan ketajaman minda seseorang itu perlulah diasah secara konsisten. Ini boleh dilakukan melalui proses penulisan yang berlaku secara berterusan, pada setiap hari. Perkara ini menjadi satu aspirasi terutamanya kepada pelajar-pelajar pascasiswazah serta para ahli akademik, namun mungkin kekangan dan tuntutan tugas menjadi penghalang bagi melaksanakan proses penulisan. Maka, penulisan secara konsisten akan membentuk ketajaman minda seseorang penulis seperti tulisan pengarang, "... makin diasah makin tajam, begitulah dunia penulisan ..."

Menulis dengan ayat-ayat yang pendek di dalam setiap perenggan. Tips ini adalah sangat praktikal dan berguna kerana pembinaan ayat yang ringkas dan tepat akan lebih mudah difahami, berbanding ayat yang panjang serta berbelit-belit. Tidak dapat tidak, penulisan ilmiah memerlukan perbincangan yang mendalam. Ini disusuli dengan fakta dan literatur yang digunakan untuk menyokong penulisan yang ditulis. Penulisan sebegini akan menyebabkan struktur ayat yang ditulis menjadi panjang berjela sehingga kadang-kadang perlu dibaca berkali-kali untuk difahami. Pengarang menyarankan agar penulisan ilmiah ditulis secara singkat dan padat. Namun ia tidaklah boleh dengan terlalu ringkas hingga menyebabkan ayat tersebut sukar difahami.

Sering semak, baca dan tambahbaik penulisan. Menghantar penulisan kepada penilai tanpa semakan semula adalah sangat berisiko. Ini kerana selaku penulis, kita pastilah sudah terbiasa dengan isi kandungan penulisan hingga menyebabkan otak kita terlepas pandang kesalahan yang ketara di dalam penulisan tersebut. Adakalanya, kesalahan ejaan mengganggu pembacaan sehingga menyebabkan pembaca hilang minat untuk meneruskan pembacaan. Oleh itu, adalah penting bagi penulis sesebuah penulisan untuk menyemak kembali penulisan yang dihasilkan, mengulang membaca hasil penulisan tersebut dan seterusnya membuat penambahbaikan jika perlu. Sebaiknya penulisan dihadkan kepada tiga baris sahaja. Apabila ayat yang ditulis mencecah empat baris panjang, sebaiknya ayat tersebut dipecahkan dan distrukturkan kembali. Antara tips yang selalu digunakan berkaitan hal ini adalah KISS – *keep it short and simple* (kekalkan supaya ringkas dan mudah).

Penggunaan perkataan yang betul. Perkataan dan istilah tertentu akan mencerminkan ketinggian ilmu pengetahuan seseorang penulis. Pastinya, terdapat perbezaan yang sangat ketara di antara penulisan formal dan tidak formal, maka penggunaan istilah yang betul dan kena pada tempatnya haruslah diberikan perhatian. Adakalanya, penulis cenderung menulis dengan bahasa yang berbunga-bunga bagi memanjangkan penulisan dan mencecah bilangan minimum jumlah perkataan. Namun, penggunaan bahasa yang berbunga-bunga akan mengganggu pembacaan kerana ia adalah kerumitan yang tidak diperlukan. Sebaiknya, elakkanlah menulis penulisan ilmiah dengan bahasa yang berbunga-bunga. Selain itu, penggunaan istilah yang rumit (*jargon*) juga perlu dielakkan. Penggunaan *jargon* ini akan mengganggu pembacaan terutama bagi pembaca yang tiada maklumat awal tentang topik yang

dibincangkan. Maka, seseorang penulis perlulah menggunakan perkataan yang betul semasa menulis bagi memudahkan pembacaan audiens.

Terus membaca dan menulis. Untuk menjadikan sesuatu tabiat yang baik itu sebagai juadah harian, seseorang haruslah melazimi perbuatan yang baik itu. Maka, untuk menghasilkan penulisan yang baik, tabiat membaca dan menulis secara konsisten haruslah diterapkan. Mungkin seseorang penulis boleh menghasilkan jadual penulisan dan menulis mengikut masa yang ditetapkan. Rutin yang terbentuk akan memudahkan seseorang penulis untuk terbiasa menulis. Bagi memulakan penulisan, proses pembacaan haruslah menjadi amalan utama bagi seseorang penulis. Apabila penulis itu telah mempunyai bahan yang ingin ditulis dan dibincangkan, maka proses penulisan itu akan menjadi lebih mudah dan lebih berimpak.

Tiada organisasi bab yang boleh dikongsikan di dalam membincangkan susunatur penulisan buku ini kerana tips yang dikongsikan adalah secara rawak dan berlarutan. Pembaca boleh membaca secara terus menerus tanpa terkekang untuk mengikut aliran atau urutan bab dan pembacaan yang khusus. Dalam erti kata lain, ia tidak dikelaskan atau ditulis mengikut bab tertentu. Mungkin ini adalah langkah untuk memudahkan pembaca menjalankan proses pembacaan. Namun saya berpendapat jika ia ditulis mengikut bab tertentu, itu akan lebih memudahkan pembaca untuk faham fasa proses penulisan sorotan literatur tersebut. Contohnya, sekiranya tips-tips yang dikongsikan dibahagikan kepada fasa sebelum, semasa dan selepas proses penulisan sorotan literatur, itu akan lebih memudahkan pembaca untuk faham dan tahu bahawa terdapat perkara-perkara penting yang perlu mereka penuhi atau persiapkan sebelum memulakan penulisan. Ini bolehlah diikuti dengan perhatian atau ingatan-ingatan yang boleh memandu para pembaca buku ini untuk tahu tentang perkara yang perlu mereka laksanakan dan beri perhatian semasa menulis. Akhir sekali, mereka bolehlah memandu tindakan penulisan sorotan tersebut setelah selesai menulis (atau menghampiri proses akhir menulis) dengan membaca ingatan-ingatan dan tips tertentu.

Persembahan buku

Buku bersaiz A5 ini setebal 143 muka surat tidak termasuk 10 muka surat prakata dan isi kandungan. Persembahan bukunya bersifat ringkas (simple) dan sesuai dibawa untuk dibaca di mana sahaja. Pendek kata, buku ini tidak janggal sekiranya berada di tangan pelajar berusia awal 20an mahupun dibaca oleh pelajar pascasiswazah diambang usia 40an. Gaya penulisannya santai, seolah-olah pembaca sedang berbicara dengan pengarang. Nadanya tidaklah terlalu tegas dan membosankan; tidak juga terlalu santai hingga meleret-leret dan tidak formal. Pengarang dapat menarik minat pembaca dengan penyampaian yang bersahaja. Ada waktunya pengarang menggunakan intonasi yang serius dalam penulisan. Namun kadang-kadang terselit elemen yang mengusik minda hingga pembaca kembali menumpukan perhatian kepada pembacaan, seolah-olah sedang berbicara dengan pensyarah di dalam bilik kuliah. Tips-tips yang dikongsikan membuatkan pembaca mudah untuk mengaitkan pembacaan dengan pengalaman menulis bab sorotan kepustakaan. Pengalaman saya sendiri, ada waktunya tips yang dikongsikan begitu berkesan, hinggalah saya terus mengambil pen dan mencoretkan nota di dalam buku untuk tindakan dan ingatan bagi menulis bab sorotan kepustakaan. Kebaikan buku ini yang pastinya sukar untuk didapati dan dibandingkan dengan buku-buku lain yang ada dipasaran adalah ia boleh dibaca daripada mana-mana muka surat dan mana-mana tips! Pembaca boleh membaca dari awal hingga tamat, jika mampu.

Namun penulis buku ini seakan memahami bahawa audiens buku ini adalah mereka yang sentiasa mempunyai kekangan dalam melaksanakan pembacaan dan meneruskan penulisan.

Maka, pembaca boleh membaca dari mana-mana tips – kemudian meletakkan buku untuk berhenti sebentar. Pembaca boleh menyambung pembacaan, jika ada masa; atau menyambung pembacaan pada hari lain – dan masih boleh memahami tips yang disampaikan. Susun atur buku ini juga menyenangkan. Setiap tips diawali dengan tajuk, disusuli dengan penerangan, ada kalanya diberikan contoh untuk mengukuhkan kefahaman dan turut disertai dengan proses cara kerja penulisan kajian kepustakaan bagi memudahkan para pembaca untuk mengikuti langkah demi langkah proses penulisan. Contoh yang diberikan di dalam buku ini banyak menjurus kepada dua bidang utama iaitu kejuruteraan alam sekitar dan pendidikan. Mungkin kerana latar belakang pengarang daripada bidang tersebut, maka pengarang lebih mahir menggunakan contoh berkaitan untuk menulis. Bidang pendidikan pula sememangnya berkaitan dengan tugas penulisan sorotan kepustakaan seperti tugas penulisan ilmiah atau penyelidikan. Maka, ini mungkin sebab utama yang mendorong penggunaan contoh-contoh bidang kejuruteraan dan pendidikan bagi menyampaikan contoh tips di dalam buku ini.

Sememangnya buku ini bagus untuk dimiliki bagi mereka yang baharu sahaja ingin berjinak-jinak di dalam bidang penulisan ilmiah dan penyelidikan. Isinya yang ringkas dan padat banyak membantu pembaca untuk menguasai tips yang diberikan. Walaupun terdapat kesalahan ejaan pada beberapa tempat di dalam penulisan, namun ia tidak mencacatkan pembacaan. Para pembaca masih boleh mengikuti isi kandungan yang disampaikan di dalam buku ini tanpa sebarang gangguan. Selain daripada cadangan untuk menyusun tips-tips yang disampaikan mengikut fasa proses penulisan sebelum, semasa dan selepas menulis sorotan literatur; dicadangkan agar buku ini turut menyentuh jenis-jenis penulisan sorotan literatur seperti naratif, argumentatif, sistematik, integratif, bersifat teori dan sebagainya yang pastinya akan lebih memanfaatkan pembaca. Masih banyak aspek yang boleh dimasukkan di dalam penerbitan buku ini sekaligus menjadikannya sebagai sebuah *handbook* yang sesuai dimiliki oleh semua pelajar pascasiswazah demi penghasilan penulisan sorotan literatur yang berkualiti.

Julia Madzalan

Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Bahasa,
Fakulti Pendidikan, KUIS